



**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA KUALITI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)  
KALI KE-32**

---

Tarikh : 12 April 2017 (Rabu)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<b>Minit 32.0</b>	<p><b>Kata Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS, TWP EMS, TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-32 ini;</p> <p>(b) merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti (CQA) Profesor Dr. M. Iqbal bin Saripan atas pelantikan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).</p>	<p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p>
<b>Minit 32.1</b>	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-31</b></p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-31 yang telah diadakan pada 17 Februari 2017 disahkan tanpa pindaan.</p>	
<b>Minit 32.2</b>	<p><b>Perkara-perkara Berbangkit</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-31 seperti mana pada kertas edaran yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p>	

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(a) <u>Minit 31.2 (a)(i)</u> – mengambil perhatian laporan daripada Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mengenai penerimaan maklumbalas Semakan Piagam Pelanggan daripada Peneraju utama sahaja iaitu Siswazah, Pra Siswazah, dan Penyelidikan dan Inovasi. Manakala tiada sebarang maklumbalas daripada proses sokongan;</li> <li>ii. bengkel Piagam Pelanggan sebagai Objektif Kualiti akan diadakan pada 12 April 2017 bagi menyelaraskan semua Piagam Pelanggan PTJ;</li> <li>iii. pencapaian Piagam Pelanggan perlu dilapor setiap bulan;</li> <li>iv. Piagam Pelanggan akan turut dijadikan penilaian dalam Anugerah Penarafan Bintang.</li> </ul> <p>(b) <u>Minit 31.2 (a)(iii)</u> – mengambil maklum perbincangan khas berkaitan penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam telah diadakan bersama Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) pada 10 April 2017, manakala sesi <i>Trial Run</i> telah diadakan sehingga 30 April 2017.</p> <p>(c) <u>Minit 31.3 (d) (i)</u> – mengambil perhatian Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) sedang membuat analisis berkaitan kelewatan pelajar menduduki viva berdasarkan kepada faktor pemeriksa luar dan dalam negara dan juga peringkat pengajian (PhD/Master). Perincian laporan akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang.</p> <p>(d) <u>Minit 31.3 (d) (ii)</u> – meminta Pejabat Bursar melaporkan status tindakan berkaitan pengeluaran surat peringatan kepada pembekal yang memperolehi skor penilaian prestasi kurang memuaskan serta mengadakan taklimat kepada semua pembekal yang berdaftar dengan UPM berkaitan perkara ini. Pembekal yang masih memperolehi skor penilaian prestasi kurang memuaskan setelah diberi surat peringatan akan disekat daripada mendapat sebarang kerja/projek perolehan di UPM.</p>	<p><b>PKPU</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP SPS</b></p> <p><b>TWP Pejabat Bursar</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	(e) <u>Minit 31.3 (e)</u> – mengambil maklum cadangan daripada Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) berkaitan petunjuk prestasi baharu berkaitan kualiti penyeliaan iaitu 'Penilaian pelajar secara menyelidikan dibuat melalui Laporan Penilaian Pelajar (GS-11) dan dinilai oleh Jawatankuasa Penyeliaan pada setiap semester' manakala sasaran pencapaian adalah 80%.	<b>Makluman</b>
	(f) <u>Minit 31.4 (c) (i)</u> – mengambil maklum punca kelewatan pemakluman keputusan peperiksaan semester kepada pelajar dalam tempoh enam minggu selepas hari terakhir minggu peperiksaan adalah seperti berikut: (i) kelewatan pembayaran yuran pelajar antarabangsa yang disebabkan oleh faktor krisis ekonomi dan politik seperti Nigeria, Iran, Iraq dan lain-lain. (ii) kelewatan pihak penaja menyalurkan dana untuk pembiayaan yuran pengajian seperti KPT (MyBrain15).	<b>Makluman</b>
	(g) <u>Minit 31.5 (c)</u> – mengambil perhatian pemantauan Objektif ISMS kali pertama tahun 2017 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-31 pada 17 Februari 2017 manakala pemantauan kali kedua akan dilaksanakan selepas aktiviti pendaftaran pelajar baharu Sesi Pertama 2017/2018 dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang terdekat selepasnya.	<b>TWP ISMS</b>
	(h) <u>Minit 31.6 (d)</u> – mengambil maklum laporan analisis jumlah responden yang memberikan skor satu (sangat tidak memuaskan) mengikut kolej kediaman telah disediakan dan mendapati bilangan responden adalah mencukupi.	<b>Makluman</b>
	(i) <u>Minit 31.6 (e)</u> – mengambil perhatian supaya satu ruangan komen/cadangan diwujudkan dalam borang soal selidik secara atas talian pada masa akan datang bagi memberi ruang kepada responden memberikan maklum balas dan membantu pihak Universiti dan urusetia untuk membuat penambahbaikan ke atas proses sedia ada. Mesyuarat meminta supaya Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu/Jawatankuasa Minggu Suai Kenal mengambil tindakan untuk pelaksanaan soal selidik sesi akan datang.	<b>TWP ISMS</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	(j) <u>Minit 31.7 (ii)</u> – mengambil maklum pembayaran yuran pendaftaran secara <i>online</i> menerusi kemudahan “Jom Pay” telah mula dilaksanakan pada akhir tahun 2016. Sasaran pembayaran menggunakan “Jom Pay” adalah sebanyak 100%.	<b>Makluman</b>
	(k) <u>Minit 31.8 (c)</u> – mengambil maklum objektif EMS tahun 2017 akan mengambil kira cadangan perubahan objektif dan sasaran bagi objektif EMS tidak mencapai sasaran yang dikemukakan oleh Peneraju EMS.	<b>Makluman</b>
	(l) <u>Minit 31.9 (c)</u> – mengambil maklum penilaian kepatuhan EMS tahun 2016 akan dibentangkan semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang akan diadakan pada 22 Ogos 2017. Manakala penilaian kepatuhan bagi tahun 2017 akan dilaksanakan secara berfasa berdasarkan fasa penilaian kepatuhan yang ditetapkan.	<b>Makluman</b>
	(m) <u>Minit 31.10 (c)</u> – mengambil maklum Prosedur Kawalan Dokumen dan Rekod ISO (UPM/PGR/P001) dan Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) (QMS) MS ISO 9001 telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017.	<b>Makluman</b>
	(n) <u>Minit 31.11</u> – mengambil maklum keperluan pelaksanaan tindakan pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh PTJ bagi penemuan audit daripada pihak SIRIM bagi memastikan isu/penemuan yang sama tidak berulang kembali.	<b>Makluman</b>
	(o) <u>Minit 31.12</u> – mengambil perhatian rancangan tindakan bagi pengendalian pensijilan ISO tahun 2017. Mesyuarat meminta memaklumkan tarikh penting berkaitan pelaksanaan ISO kepada Ketua PTJ.	<b>TWP Pusat Jaminan Kualiti (CQA)</b>
	(p) <u>Minit 31.13</u> – mengambil maklum Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM Edisi 3.0 telah mula berkuatkuasa pada 24 Mac 2017.	<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<b>Minit 32.3</b>	<p><b>Laporan Dokumentasi</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum kertas laporan Tatacara Proses Pindaan/Tambahan Dokumen ISO Universiti Putra Malaysia adalah seperti pada <b>lampiran agenda 4.0</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum tatacara proses pindaan/tambahan dokumen terkawal ISO melalui Borang Cadangan Pindaan/ Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD).</p> <p>(c) meminta Peneraju Proses (Timbalan Wakil Pengurusan dan Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses) melaksanakan semua perkara yang dinyatakan dalam Borang Cadangan Pindaan/ Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) setiap kali adanya perubahan/ tambahan dokumen ISO dan mematuhi tarikh penting dalam jadual tindakan kuatkuasa dokumen bagi memastikan proses kuatkuasa dokumen ISO dapat dilaksanakan dengan lancar.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP PP dan TPKD PP</b></p>
<b>Minit 32.4</b>	<p><b>Laporan Audit</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan Pelaksanaan Audit Dalam dan Audit Badan Pensijilan tahun 2017 bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) adalah sepertimana pada <b>lampiran agenda 5.0</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil perhatian berhubung tarikh penting pelaksanaan audit dalaman dan audit badan pensijilan tahun 2017 dan memohon PTJ membuat hebahan kepada warga PTJ masing-masing supaya tidak bertindih dengan program PTJ.</p> <p>(c) meminta kerjasama PTJ membuat semakan sendiri serta menyemak laporan penemuan audit lepas bagi memastikan penemuan audit yang sama tidak berulang.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Semua TWP</b></p> <p><b>Semua TWP</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p><b>Minit 32.5</b></p>	<p><b>Laporan Objektif ISO UPM 2017 (QMS MS ISO 9001:2008, ISMS MS ISO/IEC 27001:2013 dan EMS MS ISO 14001:2004)</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan Objektif ISO UPM 2017 adalah sepertimana pada <b>lampiran agenda 6.0</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil perhatian tindakan ke atas laporan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras, iaitu:</p> <p>(i) Proses Sokongan: Membangunkan Modal Insan Terbaik – Pindaan Petunjuk Prestasi iaitu “Peratusan staf yang menghadiri latihan 3 hari setahun untuk staf bukan akademik” dan sasaran 2017 adalah sebanyak 100%; dan</p> <p>(ii) Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan: Jaringan Kerjasama Industri – semakan semula peratus pencapaian tahun 2016 iaitu 121.55% kerana jumlah peratusan yang disasarkan adalah sebanyak 5% menunjukkan perbezaan peratusan yang terlalu tinggi.</p> <p>(c) mengambil perhatian berhubung:</p> <p>(i) maklum Objektif ISO UPM 2017, iaitu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO 27001 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 yang disasar pada tahun 2017;</p> <p>(ii) tindakan berkongsi maklumat ini (Objektif ISO UPM 2017) kepada ahli PTJ mengikut kesesuaian PTJ masing-masing; dan</p> <p>(iii) mengambil tindakan berkaitan secara berterusan agar objektif yang disasar ini (berkenaan dengan PTJ masing-masing) dapat sama-sama dicapai.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>TWP Pejabat TNC JINM</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Semua TWP PP dan PTJ</b></p> <p><b>Semua TWP PP</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 32.6	<p><b>Laporan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK): Peralihan daripada ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 dan Pelaksanaan Tindakan</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK): Peralihan daripada ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 dan Pelaksanaan Tindakan adalah sepertimana <b>lampiran pada agenda 7.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum Sistem Pengurusan Kualiti adalah enjin dalam pelaksanaan tindakan untuk mencapai matlamat pelan strategik UPM yang sebelum ini di bawah Matlamat 5 Pelan Strategik UPM 2014 – 2020 iaitu ‘Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus’.</p> <p>(c) mengambil maklum perubahan konseptual dalam ISO 9001:2015, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memberi penekanan kepada pelanggan (<i>Customer fokus</i>);</li> <li>(ii) komitmen pihak Pengurusan – pihak Pengurusan UPM bertanggungjawab (<i>accountability</i>) sepenuhnya keberkesanan SPK;</li> <li>(iii) Pemikiran Berasaskan Risiko (<i>Risk-based Thinking</i>) – tiada lagi tindakan pencegahan dan semua prosedur telah mengambil kira risiko;</li> <li>(iv) menjajarkan (<i>Aligning</i>) Dasar dan Objektif SPK bersama hala tuju strategik organisasi;</li> <li>(v) dokumentasi yang fleksibel – UPM bersetuju mengekalkan prosedur bagi memastikan pelaksanaan tindakan yang konsisten;</li> <li>(vi) menyediakan produk dan perkhidmatan yang baik secara konsisten.</li> </ul> <p>(d) mengambil maklum siri tindakan ke arah peralihan kepada MS ISO 9001:2015 yang telah dilaksanakan bermula Siri 1 hingga Siri 6. Mesyuarat mengambil perhatian proses pemurnian penilaian risiko</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 32.7	<p>berdasarkan prosedur oleh peneraju dijangka selesai pada pertengahan bulan April 2017.</p> <p>(e) mengambil maklum senarai fasilitator QMS ISO 9001:2015 dan ucapan penghargaan kepada mereka atas sumbangan dan komitmen sepanjang pelaksanaan peralalihan kepada MS ISO 9001:2015.</p> <p><b>Cadangan Pelaksanaan Maklumbalas Pemegang Taruh ISMS Tahun 2017</b></p> <p>Mesyuarat::</p> <p>(a) mengambil maklum laporan <b>Cadangan Pelaksanaan Maklumbalas Pemegang Taruh ISMS Tahun 2017</b> adalah sepertimana <b>lampiran pada agenda 8.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil perhatian pelaksanaan soal selidik secara atas talian bagi pelajar baharu prasiswazah yang mendaftar di Kampus Serdang dan Bintulu semasa Minggu Perkasa Putra bagi Sesi Pengajian 2017/2018 adalah di bawah tanggungjawab Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Timbalan Wakil Pengurusan, Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)). Mesyuarat meminta Peneraju Proses menyediakan kertas cadangan berhubung pelaksanaan kajian ini.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP TNC HEPA</b></p>
Minit 32.8	<p><b>Laporan Cadangan Pelaksanaan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Tahun 2017</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum kertas laporan Cadangan Pelaksanaan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Tahun 2017 adalah sepertimana <b>lampiran pada agenda 9.0</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil perhatian cadangan pelaksanaan kawalan di pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat tahun 2017 akan dilaksanakan selepas semakan penilaian risiko pada April 2017:</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP ISMS</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 32.9	<p>(c) meminta Peneraju Proses ISMS yang terlibat mengambil perhatian dalam menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.</p> <p><b>Cadangan Pelaksanaan Penilaian Pematuhan Undang-Undang EMS Tahun 2017</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum kertas Cadangan Pelaksanaan Penilaian Pematuhan Undang-Undang EMS Tahun 2017 adalah sepertimana <b>lampiran pada agenda 10.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum semakan semula keahlian JKPK tahun 2017 yang akan membuat penilaian kepatuhan berdasarkan fasa penilaian yang ditetapkan.</p> <p>(c) mengambil perhatian pelaksanaan penilaian kepatuhan tahun 2017 merujuk kepada carta perbatuan dan fasa penilaian yang telah dipersetujui oleh JKPK UPM.</p>	<p><b>Peneraju ISMS</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP EMS</b></p>
Minit 32.10	<p><b>Daftar Aspek Impak EMS Tahun 2017</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Daftar Aspek Impak EMS Tahun 2017 adalah sepertimana <b>lampiran pada agenda 11.0</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 adalah merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) pembahagian impak alam sekitar kepada lima (5) iaitu udara, tanah, air, bunyi dan sumber;</p> <p>(ii) aspek persekitaran berdasarkan aktiviti yang dijalankan di UPM;</p> <p>(iii) kriteria penilaian bagi impak dan penentuan aktiviti yang signifikan dengan UPM adalah berdasarkan penilaian impak (Kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN	
Minit 32.11	alam sekitar dan kepentingan kepada organisasi) dan penentuan signifikan yang telah ditetapkan;		
	(iv) pengenalpastian undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan bagi aktiviti yang melibatkan undang-undang;		
	(v) Pengenalpastian kawalan sedia ada atau cadangan aktiviti bagi aspek persekitaran yang disenaraikan;		
	(vi) Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat bagi setiap aktiviti yang disenaraikan.		
	(c) mengambil perhatian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS UPM Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 yang perlu dirujuk oleh PTJ dalam melaksanakan EMS. Mesyuarat meminta TWP memanjangkan maklumat berkaitan kepada staf di PTJ masing-masing.		<b>Semua TWP berkaitan</b>
	(d) mengambil perhatian Objektif EMS akan disemak semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja EMS pada 27 April 2017 berdasarkan penilaian aspek impak EMS terkini.		<b>TWP EMS</b>
	<p><b>Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Tahun 2017</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum kertas Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Tahun 2017 adalah sepertimana <b>lampiran pada agenda 12.0</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum tarikh sambutan HKIP Tahun 2017 adalah pada 10 November 2017.</p>		<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN			
<p>Minit 32.12</p>	<p>(c) mengambil maklum senarai anugerah/hadiah HKIP tahun 2017 iaitu:</p> <table border="1" data-bbox="512 421 1209 1193"> <tr> <td data-bbox="512 421 1209 577"> <p>1. <u>Utama</u> Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="512 577 1209 1037"> <p>2. <u>Anugerah Lain</u></p> <p>2.1 Anugerah Inovasi Perkhidmatan 2.2 Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2.3 Anugerah Pengurusan Lean 2.4 Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja 2.5 Anugerah Pengurusan Laman Web 2.6 Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2.7 Anugerah Indeks Akauntabiliti</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="512 1037 1209 1193"> <p>3. <u>Hadiah</u></p> <p>3.1 Hadiah Mencipta Tema HKIP 3.2 Hadiah Idea Inovasi</p> </td> </tr> </table>	<p>1. <u>Utama</u> Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran</p>	<p>2. <u>Anugerah Lain</u></p> <p>2.1 Anugerah Inovasi Perkhidmatan 2.2 Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2.3 Anugerah Pengurusan Lean 2.4 Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja 2.5 Anugerah Pengurusan Laman Web 2.6 Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2.7 Anugerah Indeks Akauntabiliti</p>	<p>3. <u>Hadiah</u></p> <p>3.1 Hadiah Mencipta Tema HKIP 3.2 Hadiah Idea Inovasi</p>	<p><b>Makluman</b></p>
	<p>1. <u>Utama</u> Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran</p>				
	<p>2. <u>Anugerah Lain</u></p> <p>2.1 Anugerah Inovasi Perkhidmatan 2.2 Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2.3 Anugerah Pengurusan Lean 2.4 Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja 2.5 Anugerah Pengurusan Laman Web 2.6 Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2.7 Anugerah Indeks Akauntabiliti</p>				
	<p>3. <u>Hadiah</u></p> <p>3.1 Hadiah Mencipta Tema HKIP 3.2 Hadiah Idea Inovasi</p>				
	<p>(d) mengambil perhatian Peneraju anugerah/hadiah akan menamakan keahlian jawatankuasa kecil melibatkan PTJ lain supaya keputusan penilaian adalah lebih telus.</p>	<p><b>CQA (Urus setia HKIP UPM)</b></p>			
<p>(e) mengambil maklum peningkatan nilai hadiah bagi anugerah/hadiah HKIP tahun 2017 sebagaimana yang dilaporkan.</p>	<p><b>Makluman</b></p>				
<p>(f) mengambil perhatian Jawatankuasa Pengisian Majlis HKIP akan membuat perbincangan bagi cadangan pengisian majlis HKIP tahun 2017.</p>	<p><b>CQA (Urus setia HKIP UPM)</b></p>				
<p>Mesyuarat:</p>	<p><b>Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2017</b></p> <p>(a) mengambil maklum berhubung kertas Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun</p>	<p><b>Makluman</b></p>			

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>2017 adalah sepertimana <b>lampiran pada agenda 13.0</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum komponen dan sub komponen di bawah Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran, iaitu:</p> <p>(i) Komponen Pengurusan yang melibatkan enam (6) sub komponen iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Indeks Akauntabiliti (IA)</li> <li>• Pengurusan, Pembangunan dan Perkhidmatan Sumber Manusia</li> <li>• Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li> <li>• Pengurusan Laman Web</li> <li>• Pengurusan Kualiti</li> <li>• Citra Putra</li> </ul> <p>(ii) Komponen Transformasi yang melibatkan tiga (3) sub komponen iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan Inovasi Perkhidmatan (KIK/Inovasi Perkhidmatan/Pengurusan Lean)</li> <li>• Pelaksanaan 5S/ EKSA</li> <li>• Jaringan Komuniti atau Kelestarian Hijau</li> </ul> <p>(iii) Komponen Pengurusan Pelanggan</p> <p>(c) mengambil maklum senarai ahli dan tanggungjawab jawatankuasa Induk Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.</p> <p>(d) mengambil maklum perincian sub komponen, wajaran dan kriteria anugerah yang boleh dilihat oleh PTJ untuk diambil tindakan.</p> <p>(e) mengambil perhatian senarai PTJ yang akan dinilai di bawah Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran tahun 2017. Mesyuarat meminta PTJ memberi maklumbalas sekiranya terdapat PTJ yang tidak tersenarai.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Semua TWP</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 32.13	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p>	

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 12 April 2017 (Rabu)  
 Masa : 9.00 pagi  
 Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra  
 Universiti Putra Malaysia

**Kehadiran**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
1.	Prof . Dr. Amin bin Ismail	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat
2.	Prof Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh	TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan
3.	Encik Mohd. Faizal bin Daud	TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
4.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
5.	Encik Shahrman bin Hashim	TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
6.	Encik Amiruddin bin Abd Aziz	TWP (PP) Sekolah Pengajian Siswazah
7.	Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PP) Pusat Asasi Sains Pertanian
8.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
9.	Encik Muzaffar Shah bin Kassim	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
10.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
11.	Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
12.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
13.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
14.	Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail	TWP (PP) Pusat Islam
15.	Dr. Haji Latif bin Anwar	TWP (PP) Bahagian Keselamatan
16.	Encik Ludinata bin Misnun	TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar
17.	Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman	TWP (PP) Taman Pertanian Universiti
18.	Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
19.	Puan Noorizajune binti Abu Bakar	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
20.	Encik Mohd Fauzi bin Abdul Karim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
21.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ) Fakulti Sains
22.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
23.	Encik Nasrudin bin Yahya	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia
24.	Encik Mohd Nazri bin Noh	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
25.	Tuan Haji Ab. Malek bin Simon	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
26.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
27.	Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
28.	Encik Sudirman bin Asmadi (secara v.c.)	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB
29.	Tuan Haji Jamsari bin Tamsir	TWP (PTJ) Institut Biosains
30.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
31.	Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
32.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial
33.	Cik Salmee Suhana binti Hashim	TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
34.	Puan Saliza binti Mustafa	TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa
35.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit (PAD)
36.	Cik Nor Azizah binti Tamsi	Penyelaras Latihan Staf (PLS)
37.	Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor	Pusat Jaminan Kualiti - Setiausaha

### **Turut Hadir**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
1.	Puan Nabihah binti Abdul Razak	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
2.	Encik Noor Mohamad bin Shakil Hameed	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Bahagian Hal Ehwal Pelajar)
3.	Encik Jamalludin bin Mohd Yatim	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
4.	Puan Mastura binti Abd Rahim	Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar
5.	Encik Yusri bin Hashim	Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar
6.	Encik Mohd Hazrie bin Minhat	Wakil TWP (PP) Kolej Kediaman

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
7.	Cik Maryam binti Othman	Wakil TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang
8.	Puan Siti Noor Fariza binti Mohd Yusoff	Wakil TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
9.	Puan Noor Hasfalina binti Abu Hassan	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan
10.	Puan Hjh Norlidar binti Hj Mohd Adnan	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
11.	Puan Noor Izura binti Ibrahim	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
12.	Puan Hirfarizan Mardianah binti Mohd Tahir	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
13.	Puan Nursamirah binti Mohd Dom	Wakil TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
14.	Puan Rosna binti Jasin	Wakil Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU)
15.	Puan Norzatul Hakimah binti Mahmud Mahayudin	Wakil Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)
16.	Puan Siti Hafizah binti Ibrahim	Wakil Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
17.	Puan Nurhanisah binti Sadun	Pusat Jaminan Kualiti

**Tidak Hadir (dengan kenyataan)**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
1.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
2.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
3.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
4.	Encik Roslan bin Parjo	TWP (PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
5.	Encik Mohd Junaidi bin Hj Yasin	TWP (PP) Kolej Kediaman
6.	Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin	TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
7.	Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
8.	Encik Mustaffa bin Haji Dollah	TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
9.	Puan Noraihan binti Noordin	TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan
10.	Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
11.	Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
12.	Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
13.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
14.	Puan Nor Baizura binti Zamri	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
15.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
16.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan
17.	Puan Shamriza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD)
18.	Encik Muhazam bin Mansor	Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU)
19.	Encik Fahmi Azar bin Mistar	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)
20.	Dr. Mohd Rafee bin Baharudin	Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
21.	Puan Rus Azizi binti Ismail	Peneraju EMS, Pejabat Bursar